

Datuk Bandar akan bukti bakat jadi DJ RMIK

BH
20/1/89

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Elyas Omar, akan membuktikan bakatnya sebagai DJ Radio Malaysia Ibu Kota (RMIK) dalam rancangan *Anikaragam RMIK — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur '89* sempena perayaan Hari Wilayah Persekutuan ke-15, pada 1 Februari, jam 1 hingga 2 petang.

Rancangan itu disiarkan secara langsung dari studio sementara RMIK di

tempat letak kereta berhampiran Bangunan DBKL.

Jurucakap RMIK berkata, Datuk Elyas melayan panggilan telefon daripada pendengar RMIK dan memutarakan beberapa lagu menarik pilihannya sendiri.

Melalui rancangan itu, pendengar RMIK berpeluang menghubungi Datuk Elyas dan mengemukakan pelbagai soalan mengenai DBKL.

Menurutnya, selain rancangan DBKL '89, studio sementara RMIK yang memulakan siarannya jam 10 pagi, juga menyediakan pelbagai rancangan lain bagi memeriahkan sambutan perayaan Hari Wilayah Persekutuan ke-15.

Rancangan *Kuala Lumpur Harmoni* memuatkan serba sedikit berita mengenai pencapaian Kuala Lumpur dalam masa 15 tahun, ucapan tahniah daripada pendengar dan diselang-seli dengan lagu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.


Rancangan itu disiarkan jam 10 hingga 11 pagi. Ini diikuti rancangan *Bintang Kecil* bersama pengacaranya, Andrian Andy Yunus. *Permintaan Khas Hari Wilayah* pula jam 12 tengah hari.

Dua kumpulan rock, Shima and The Boys dan High Crime menghiburkan pendengar melalui rancangan *Iramanika 2-3*, jam 2 petang.

Disusuli dengan rancangan *Pentas Harmoni KL*, jam 3.05 petang, bersama 12 artis terkemuka di Kuala Lumpur yang menyanyi dengan menggunakan minus-one.

Antaranya, Ella, Rohana Jalil, Rahim Maarof, Puteri Remaja, Elaine Kang, Manemalla, Wann, Ina Begum, Ruhil, Nassier Wahab dan Iknor Riza.

Studio sementara RMIK menamatkan siarannya, jam 5.30 petang dengan rancangan *Siapa Pintar*, yang memuatkan lagu pilihan dan 10 soalan kuiz mengenai Kuala Lumpur untuk pendengar di rumah dan studio.



DATUK ELYAS OMAR